

Headline**Promosi industri herba Malaysia****Date****28. Apr 2009****Media Title****Harian Metro****Section****Variasi****Circulation****336603****Readership****2192000****Language****MALAY****Page No****V10****Article Size****588****cm²****Frequency****Daily****Color****Full Color****AdValue****12644.41**

Promosi industri herba Malaysia

Pameran Herbal Asia 2009 didik orang ramai herba di negara ini sebenarnya amat bermutu

BERKHASIAT...herba
di Malaysia setanding
malah lebih berkualiti
berbanding yang
diimport dari luar
negara.

CARA pameran Herbal Asia 2009 ke- 6 di Kuala Lumpur dari 30 April hingga 3 Mei ini akan membantu mempromosikan industri herba Malaysia ke pasaran global.

Pengasas merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Herbal Asia, Safinah Yaacob berkata industri itu akan memanfaatkan inisiatif kerajaan seperti Dasar Biokelabuan Nasional dan Dasar Pertanian Nasional Ketiga bagi mewujudkan satu jenama yang terkenal di peringkat antarabangsa.

"Menyedari peluang dalam industri herba Malaysia belum lagi diteroka, Herbal Asia dianjurkan buat pertama kali pada 2004 untuk menyediakan platform global bagi membolehkan usahawan, pengeluar, pengilang dan pengkaji mengadakan jaringan, berkongsi pengetahuan, mewujudkan kesedaran dan merekai peluang perniagaan."

"Kami mahu mewujudkan kesedaran dan mendidik orang ramai bahawa herba di Malaysia amat bermutu dan sesuai untuk pasaran tempatan."

"Justeru, tidak timbul mengapa makan herba dari negara lain seperti China, India dan Indonesia sedangkan Malaysia mempunyai lebih daripada 2,000 pokok yang memiliki nilai perubatan."

"Tuhan mengangurahkan sumber yang menakjubkan ini dan kita sepatutnya menggunakan secara serius," katanya.

Acara itu yang diiktiraf sebagai pertunjukan perdagangan

herba tersohor di Asia, akan diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade.

Sempena acara itu, satu kempen akan dilancarkan bagi mempromosikan penggunaan herba Malaysia.

Katanya, kempen itu bertujuan mengehadkan keperluan untuk mengimpor herba melalui pendidikan kepada orang ramai bahawa kualiti herba tempatan adalah sama atau lebih baik berbanding produk diimport.

"Ini sekali gus menggalakkan usahawan tempatan terutama Bumiputera mengembangkan industri halal," katanya.

Herbal Asia 2009 akan mempamerkan pelbagai produk perubatan berdasarkan herba dan perubatan alternatif serta produk kesihatan, mesin perubatan dan diagnostik, termasuk penjenamaan dan pembungkusan, penawaran dan perkhidmatan gaya hidup untuk kesihatan, bahagian dan ekstrak herba mentah dan separa siap, produk kecantikan dan penjagaan diri serta bahan maklumat bioteknologi dan kajian herba.

"Herbal Asia 2009 akan terus mempromosi produk semula jadi dan berkaitan herba dengan mengambil kesempatan daripada trend semasa penggunaan produk sebegini dalam perubatan sampingan dan alternatif untuk memperbaiki tahap kesihatan am serta mengatasi penyakit," katanya.

Herba tempatan yang kian menonjol kebelakangan ini termasuk kacip fatimah, pegaga,

peria, misal kucing, mas cotek, limau purut dan jambu.

Sejarah tema yang dipilih tahun ini iaitu 'Pelancongan Herba: Industri Yang Semakin Berkembang', Herbal Asia 2009 akan menggalakkan peserta industri sedia ada untuk mengenal pasti cara menggabungkan pelbagai bahan kosmetik herba, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan, bioteknologi, makanan dan perubatan semula jadi menjadi satu produk pelancongan tunggal.

Safinah berkata, selain bantuan dalam melanjutkan aktiviti herba secara langsung, acara pameran itu akan mengilhamkan satu segmen pasaran baru dan memberikan perhatian istimewa kepada spa di rumah, klinik herba dan pakej berbulan madu dan penjagaan diri ketika serta selepas mengandung.

Herbal Asia 2009 dijangka menarik 200 pengusaha herba dan 30,000 pelawat berbanding 150 peserta dan 25,000 pelawat tahun lalu.

Acara pameran itu dianjurkan dengan kerjasama Gitek (M) Sdn Bhd bersama Institut Penyelidikan Hutan Malaysia, dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem).

Maklumat lanjut mengenai pameran itu dan pendaftaran, hubungi 03-62803506 atau laman laman web: www.herbalasia.com.my.